

Polis hanya buat cadangan siasatan

KUALA LUMPUR 27 Feb. – National Feedlot Corporation (NFC) tidak perlu melatah dengan cadangan awal polis agar penggerusi syarikat itu didakwa dengan pertuduhan pecah amanah kerana ia hanyalah satu cadangan siasatan polis untuk Jabatan Peguam Negara.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Syed Ismail Syed Azizan berkata, siasatan itu hanyalah cadangan untuk rujukan Peguam Negara bagi membuat sebarang keputusan terhadap dakwaan pecah amanah itu sama ada ada untuk mengambil tindakan undang-undang atau tidak.

“Kalau mereka (NFC) tak puas hati, itu terpulang kepada dia. Kita tetap jalankan tugas kita, kalau tidak, buat apa kita siasat?” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

NFC menerusi satu kenyataan semalam melahirkan rasa terkejut dengan kenyataan Syed Ismail sebelum ini supaya penggerusi syarikat itu, Datuk Seri Dr. Mohamed Salleh Ismail didakwa atas tuduhan pecah amanah kerana menyifatkan kenyataan itu sebagai terlalu awal sedangkan siasatan masih dijalankan.

Isu NFC mula mendapat perhatian ramai selepas Laporan Ketua Audit Negara 2010 pada Oktober lepas menyatakan NFC gagal memenuhi matlamat penubuhannya selain terdapat dakwaan wujud penyelewengan peruntukan kerajaan sebanyak RM250 juta yang disalurkan kepada NFC. - BERNAMA